

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَ عَشْرَ ذِي الْحِجَّةِ بِتَضْعِيفِ  
أَجُورِ الْعِبَادَاتِ. فَمَنْ كَانَ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ إِلَى شِرَاءِ  
الْأُضْحِيَّةِ كَانَ لَهُ بِكُلِّ خُطْوَةٍ عَشْرُ حَسَنَاتٍ وَمُحَى عَنْهُ  
عَشْرُ سَيِّئَاتٍ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَوْجِدُ  
الْمُعَدِّمُ الْمَخْلُوقَاتِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ رَغَبَ  
أُمَّتِهِ فِي الْأُضْحِيَّةِ وَأَعْمَلَ الصَّلَاحَاتِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ السَّلَاتِ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ مَا اخْتَلَفَتْ الْأَيُّمُ وَالسَّنَعَاتُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ. اتَّقُوا اللَّهَ، وَاعْلَمُوا أَنَّ  
شَهْرَكُمْ هَذَا شَهْرٌ عَظِيمٌ. شَرَعَ فِيهِ الْأُضْحِيَّةَ رَحْمَةً لِعَبْدِهِ  
الْمُحِبِّينَ فِي الْقُرْبَاتِ. فَانْحَرُوهَا وَاعْتَنِمُوا جَمِيعَ فَضَائِلِهَا  
قَبْلَ الْفَوَاتِ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Di pagi hari yang penuh hikmah lagi syahdu ini, seiring gema takbir, tahlil dan tahmid yang berkumandang sepanjang malam hingga ke pagi hari ini, mengimbau dan membangkitkan kesedaran serta keinsafan kaum muslimin terhadap nikmat-nikmat Allah S.W.T yang diberi kepadanya, kepada hamba-hambanya sehingga tidak dapat dihisab. Oleh itu, marilah kita memanjatkan sepenuh pujian, syukur ke hadrat Ilahi di atas anugerah nikmat yang tidak terhingga. Selanjutnya, marilah dengan sebenar-benar takwa kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T. Selawat dan salam sejahtera sentiasa dilimpahkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, yang dibangkitkan bersamanya Islam, satu-satunya agama yang diredhai Allah S.W.T.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Aidiladha juga disebut sebagai Hari Raya Korban. Pada hari ini dan tiga hari berikutnya, umat Islam disunatkan menyembelih binatang korban, di mana sebahagian daripada daging sembelihan itu diagih-agihkan kepada fakir miskin.

Ingatlah bahawa Allah S.W.T pernah menguji Nabi Ibrahim a.s, seorang nabi yang dikenali sangat patuh kepada perintah Allah S.W.T dan seorang dermawan. Baginda bersedia menyedekahkan apa jua harta yang dimilikinya, malah apabila diperintahkan oleh Allah S.W.T supaya mengorbankan anaknya Ismail, baginda sanggup berbuat demikian, demi pengabdian dirinya kepada Allah Tuhan Yang Maha Esa.

Meskipun terlalu menyayangi anaknya Ismail, namun setelah menerima perintah yang diwahyukan melalui mimpi itu benar-benar meyakinkannya dan

nyata daripada Allah S.W.T, lantas baginda terus melaksanakannya dengan penuh ikhlas dan pasrah terhadap Ilahi Tuhan sekalian alam.

Sifat tulus dan pasrah untuk melaksanakan korban tersebut telah dipersetujui oleh anaknya untuk menyerahkan jasad yang sangat besar ertinya kepada Allah Yang Maha Esa. Hinggakan Allah S.W.T mengabdikan peristiwa tersebut sebagai pengajaran kepada umat-umat dan generasi selepas baginda a.s. Maka pengabdian dan keikhlasan dalam melaksanakan penyembelihan tersebut dikenali dengan istilah “**Korban**”. Kerana itu, pada aidiladha umat Islam digalakkan untuk berkorban dengan menyembelih binatang yang hukumnya adalah sunat muakkad. Merupakan hukum sunat yang hampir-hampir menyamai wajib.

Perbuatan Rasulullah S.A.W seperti yang dijelaskan dalam sebuah hadis riwayat Imam Ahmad, Ibnu Majah, Abu Da’ud dan lain-lainnya menyatakan bahawa setiap Hari Raya Adha Rasulullah S.A.W menyembelih dua ekor kambing yang gemuk, bertanduk dan berbulu putih bersih. Baginda mengimami sembahyang dan berkhotbah, sesudah itu baginda memegang kambing berkenaan dan bersedia untuk menyembelih, lalu berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا مِنْ مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ

**“Ya Allah, terimalah ini dari Muhammad dan ahli keluarga Muhammad.”**

Kemudian baginda menyembelihnya. Sesudah itu baginda membaringkan kambing yang lagi satu dan berdoa:

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا مِنْ مُحَمَّدٍ وَأُمَّتِهِ.

**“Ya Allah, terimalah ini daripada Muhammad dan umatku.”**

Sebahagian dagingnya dimakan oleh baginda dan keluarganya, dan sebahagian yang lain dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin.

Jelaslah, peristiwa besar yang berlaku kepada Nabi Ibrahim dan puteranya Ismail, yang berlaku ribuan tahun silam itu dilaksanakan oleh baginda a.s dan disyariatkan bagi umat baginda, dengan motif sebagaimana firman Allah S.W.T :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ،  
إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ، فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ، إِنَّ شَانِئَكَ  
هُوَ الْأَبْتَرُ.  
(الكوثر: 3-1).

**“Sesungguhnya, kami telah mengurniakan kepadamu(wahai Muhammad) kebaikan-kebaikan yang banyak, maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban(sebagai tanda bersyukur). Sesungguhnya orang yang membenci kamu, dialah orang yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginkannya).” - Surah Al-Kauthar:Ayat 1-3**

Dalam perlaksanaannya, amalan korban dapat mendorong wujudnya erti kehidupan bagi manusia, sebagai individu yang patuh kepada Allah S.W.T, mengamalkan satu tanggungjawab sosial terhadap fakir miskin. Cara dan kaedah korban yang disyariatkan oleh Islam mengubah cara korban yang batil, di mana ada masyarakat yang menyembelih binatang untuk penunggu-penunggu yang dianggap sebagai pelindung, pemberi rezeki, darah sembelihan tersebut dijadikan bahan simah dan sebahagian daripada anggota binatang tersebut diletakkan di tempat-tempat tertentu. Sesungguhnya Allah S.W.T melarang perbuatan menyembelih haiwan bagi tujuan pemujaan, seperti adab memuja pantai, sembelihan untuk membuka gelanggang persilatan dan sebagainya. Firman Allah S.W.T :

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

(الحج: 28).

**“Maka makanlah kamu akan daging binatang korban itu dan berilah makan kepada orang susah, yang fakir miskin.” - Surah Al-Haj: Ayat 28**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Aspek kemanusiaan pada ibadah korban begitu jelas dinyatakan. Namun amalan tersebut hilang nilainya di hadapan Allah S.W.T , sekiranya ia tidak dilaksanakan atas dasar iman dan takwa kepada Allah S.W.T. Ia perlu dilakukan dengan rasa redha dan ikhlas bukan untuk mencari populariti, ingin dipuji, disanjung dan diagung-agungkan oleh orang lain, kerana yang akan sampai kepada Allah S.W.T bukanlah darah dan dagingnya, ttapi ketakwaan jua. Firman Allah S.W.T :

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ

مِنْكُمْ.

(الحج: 37).

**“Daging atau darah binatang korban atau hadiah itu tidak akan sekali-kali sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas, yang berdasarkan takwa dari kamu.” – Surah Al-Haj: Ayat 37**

Sebenarnya pembahagian daging korban mengandungi makna sebagai cara untuk mendekatkan hubungan antara orang kaya dan miskin, antara orang berada dengan orang yang serba kekurangan. Malah ibadah korban adalah

wahana penghubung yang dilandaskan rasa kemanusiaan, sehingga boleh menimbulkan rasa kasih dan simpati sesama manusia. Maka inilah ibadah yang menggambarkan syariat Islam, di mana manusia dapat mendekati Allah S.W.T atau 'bertaqarrub' kepadanya apabila hamba berkenaan mendekati saudara-saudaranya yang berada dalam kesusahan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Peristiwa korban merupakan penggerak penting dalam kehidupan beragama yang mengandungi implikasi sosial, terutama kaum muslimin yang memiliki kekayaan dan pendapatan melebihi keperluan hidupnya, agar dapat menyumbangkan sebahagian daripada hartanya dalam bentuk korban penyembelihan dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah, khususnya kepada mereka yang dibelenggu kemiskinan.

Iman dan takwa yang menguasai diri Nabi Ibrahim a.s. melahirkan rasa ikhlas dan redha untuk berkorban, dengan menyembelih anaknya, lalu akhirnya Allah menggantikannya dengan sembelihan yang lain. Amalan ini menjadi satu amalan ibadat, iaitu sunat muakkad, sebagai satu tanggungjawab di antara umat Islam.

Sesungguhnya, sesuatu bangsa yang maju, moden lagi bertamadun , adalah tertakluk kepada pemerintah, juga pemimpin yang sedia berkorban menyediakan kemudahan pendidikan untuk rakyat, menyediakan sekolah, guru-guru, kemudahan asas, jalan raya, air dan api, juga lain-lain kemudahan dalam membentuk negara maju. Sesungguhnya, usaha-usaha atau pengorbanan seperti ini yang melibatkan jutaan ringgit dan keringat yang diperah tidak akan berjaya, sekiranya ibu bapa atau masyarakat umum tidak sedia berkorban atau tidak serius mendidik anak-anak.

Umat Islam perlu mengambil iktibar daripada pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s, yang patuh sepenuh hati dengan rasa takwa dan dengan rela hati bersedia mengorbankan atau menyembelih anaknya. Begitu juga pengorbanan yang dilakukan oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang berkorban demi agamanya, diikuti oleh para khalifah selepasnya, para sahabat, tabi'i, tabi'in dan lain-lain lagi. Hanya dengan pengorbanan dan jihad seperti yang dilalui oleh pejuang-pejuang terdahulu, maka Islam akan menjadi unggul semula dan dihormati oleh mereka yang bukan Islam di persada dunia antarabangsa.

Rasulullah S.A.W seperti yang disebut dalam sebuah hadis pernah menyatakan kebimbangannya, di mana pada satu ketika kelak, umat Islam akan menjadi satu bahan keroyokan seperti orang yang sedang kelaparan mengerumuni sajian, yang menjadi bahan keroyokan itu adalah umat Islam. Yang mengeroyok ialah musuh-musuh bukan Islam, semuanya ini sama ada kita sedar atau pun tidak ianya tetap sedang berlaku. Kalau dahulu komunis diwar-warkan sebagai ancaman, sekarang Islam dilabelkan sebagai pengancam yang amat berbahaya. Para sahabat pernah bertanya kepada baginda S.A.W. tentang kebimbangannya "Adakah kerana bilangan kami sedikit ketika itu?" Baginda menjawab:"Tidak, bahkan bilangan kamu banyak ketika itu. Namun kamu seumpama buih, seperti buih-buih di air bah." Sehubungan dengan itu baginda pun bersabda :

وَلَيَنْزَعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ،  
وَلَيَقْدِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ، فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ  
وَمَا الْوَهْنُ؟. قَالَ: حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ.

(رواه ابو داود).

**“Dan sesungguhnya Allah mencabut dari dada musuh-musuh kamu rasa hebat atau gerun terhadap diri kamu. Dan Allah S.W.T akan memasukkan dalam hati-hati kamu “Al-Wahnu”. Sesetengah sahabat**

bertanya: “Apakah yang dimaksudkan dengan “Al-Wahnu” itu wahai Rasulullah?”. Baginda menjawab: “Terlalu cintakan dunia dan takutkan mati”. - Riwayat Abu Da’ud

Hadis ini merupakan satu tamparan hebat kepada umat Islam, dan merupakan satu jalan keluar untuk mengatasi kemelut yang sedang melanda umat Islam sekarang ini. Caranya ialah dengan kembali kepada ajaran Allah S.W.T, sedia berkorban dan berjuang.

Pengorbanan, perjuangan dan jihad, tidak akan lahir dalam diri seseorang, kecuali dengan adanya sifat takwa, lahir daripada iman atau ibadah yang dilakukan. Keikhlasan tidak akan timbul kecuali dengan adanya ilmu. Itulah yang dimaksudkan dengan “Modal Insan”.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،  
وَأُذِّنُ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَا تُوكُ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ  
يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ لِيَشْهَدُوا مَنَفَعَهُمْ وَيَذْكُرُوا أَنَّمَا  
أَلَّاهُ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ  
فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ.

(الحج: 27-28).





Sesungguhnya nafsu manusia itu lebih berkecenderungan melakukan kejahatan, berbanding dengan kecenderungan melakukan kebaikan. Firman Allah S.W.T :

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي  
غَفُورٌ رَحِيمٌ.  
(يوسف: 53).

**“Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” - Surah Yusuf: Ayat 53**

Kebanyakan manusia tidak terlepas daripada bersifat tamak. Sekiranya dikurniakan dua lembah emas sekali pun, mereka mahukan lagi tiga lembah dan tidak akan puasa nafsu atau tembolok manusia itu, kecuali dengan mati. Mati menyekat sifat tamak manusia . Hanya sekiranya apabila seseorang itu berupaya melakukan sembahyang seperti yang difardukan, maka tabiat yang buruk tadi, iaitu kecenderungan melakukan kejahatan, rasa resah gelisah dan tamak itu akan dapat diatasi, kerana sembahyang sahajalah dapat menggambarkan kesempurnaan atau kecacatan iman seseorang.

Sesungguhnya perkara yang mula-mula sekali ditanya oleh Allah S.W.T ialah tentang sembahyang. Sekiranya sembahyang yang kita lakukan itu diterima Allah, maka akan diterimalah seluruh amalan kita, jika sebaliknya, maka seluruh amalan-amalan lain akan ditolak oleh Allah S.W.T.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Adalah terlalu malang bagi umat Islam berbangsa Melayu, yang dididik menganut agama yang direndah Allah, menjadi juara pelbagai masalah social di Negara yang kita cintai ini.

Menurut statistik Agensi Dadah Kebangsaan 1999 sehingga 2004, bilangan orang melayu yang terlibat dengan dadah ialah seramai 14,702 orang berbanding dengan bangsa cina seramai 2,625 orang, iaitu sebanyak enam kali ganda. Sebagai contoh, pada tahun 2005 polis daerah Kajang telah menangkap penagih dadah yang berbangsa melayu seramai 468 orang, berbanding dengan penagih berbangsa cina seramai 62 orang, iaitu lapan kali ganda. Remaja yang terlibat dengan kegiatan mencuri, merompak, peras ugut, rogol dan sebagainya bagi tahun 2004 berjumlah 67.9% adalah terdiri daripada bangsa melayu. 11.5% adalah berbangsa cina, iaitu 5.9 kali ganda melebihi bilangan orang cina. Selain itu juga pelajar yang lari dari sekolah 100% adalah anak-anak melayu kita.

Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa anak-anak melayu yang terlibat dengan dadah adalah berpunca untuk: berseronok-seronok, pengaruh kawan yang liar, perasaan ingin mencuba atau dorongan ingin tahu dan juga dituruti oleh faktor-faktor yang lain.

Analisis terhadap sumbang mahram, seperti bapa kandung yang merogol anak, bapa saudara yang merogol anak saudara, bapa tiri yang merogol anak tiri menunjukkan 70.2% dilakukan oleh orang melayu, manakala bangsa cina adalah sebanyak 7.1%. Ini menunjukkan kurangnya bangsa-bangsa lain yang melakukan perkara sumbang seperti ini.

Masalah terkini yang melibatkan perlumbaan motor haram, yang dipanggil sebagai "mat rempit" , menunjukkan 48% melibatkan anak-anak muda melayu, manakala 30% adalah di kalangan pemuda cina. Sebahagian

daripada mereka berpendapatan kurang daripada RM600.00. Banyak punca menyebabkan anak-anak melayu terlibat dengan kegiatan ini, iaitu kerana tekanan hidup, melepaskan perasaan marah, untuk berseronok-seronok, meluahkan emosi, melepaskan tension atau cemas. Punca lain ialah ganjaran yang ditawarkan oleh penganjur, kesan ganja dan pil khayal bahkan sebahagian daripada mereka terlibat dengan kegiatan mencuri motorsikal.

Melihatkan keadaan ini, amat malang bagi penganut beragama Islam yang diiktiraf oleh Allah S.W.T, menjadi golongan yang paling ramai terlibat dengan masalah sosial. Keadaan sedemikian menimbulkan berbagai persoalan dalam diri kita, seolah-olah membiarkannya berlalu begitu sahaja.

Perlu kita sedari bahawa Islam memfardukan setiap hambanya agar mengerjakan solat kerana solat dapat mencegah kita daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran. Allah S.W.T mewajibkan setiap umat Islam agar berpuasa di bulan Ramadhan, supaya mereka bertakwa. Begitu juga dengan ibadat-ibadat lain yang mempunyai rahsia ketuhanan yang tidak mudah difahami falsafahnya, kecuali oleh mereka yang berilmu. Sayangnya, seperti yang dijelaskan, ternyata bahawa bilangan mereka yang terlibat dengan masalah sosial ialah orang yang beragama Islam. Fenomena ini seolah-olah menggambarkan bahawa mereka yang berpegang kepada agama yang sempurna ini lemah dan tidak dapat mengawal kehendak emosi mereka sendiri.

Rasulullah S.A.W bersabda :

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوْا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا  
كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ .  
(رواه مالك)

**“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, yang mana kamu tidak akan sesat buat selama-lamanya, Selagi kamu berpegang-teguh kepada keduanya, iaitu ajaran Al-Quran dan amalan Rasulullah S.A.W. ” -  
Riwayat Malik**

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،

Kaum muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,

Untuk mengatasi kemelut yang sedang berlaku ini, kembalilah kepada ajaran Islam yang sebenar. Buangkan sikap yang terlalu mencintai dunia, sehingga melupai akhirat. Berkorbanlah demi masa depan bangsa, agama dan negara yang tercinta. Semua ini tidak akan dapat dilaksanakan kecuali disertai oleh rasa ikhlas dan pasrah diri semata-mata kerana Allah S.W.T., ta'abbud keranaNya, malah sanggup berkorban seperti pengorbanan yang ditunjukkan oleh Nabi Ibrahim a.s. ketika mengorbankan anaknya Ismail a.s.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ  
وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ  
شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سلطان  
صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ  
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحِ  
وَ عَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَ كَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَ الْاَكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُبُ

عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِّلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَآلْبَلَدِ، وَبَلِّغْ  
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

يا الله،

Lindungilah agama kami dari musuh-musuh-Mu, berilah kami kekuatan untuk berfikir dan bertindak demi agama-Mu, peliharalah jua negara kami, semoga ia terus di bawah naungan-Mu, negeri yang tercinta, Selangor Darul Ehsan.

Limpahkanlah kemakmuran ke atas buminya, hindarkan daripada segala bala, jadikanlah rakyatnya sentiasa bersatu padu, mahabbah yang kekal abadi, berilmu dan berakhlak mulia, taat kepadaMu dan menghormati Raja yang berperlembagaan yang kami kasihi.

Anugerahkanlah taufik dan hidayahMu kepada pemimpin kami, tanamkan dalam sanubari mereka sepenuh akhlak dan bertakwa kepadaMu, selamatkanlah kami daripada segala kemusnahan dan pancaroba yang mendatang.

رَبَّنَا يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ، فَإِنَّ تَيْسِيرَ عَلَيْكَ يَسِيرٌ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ وَآخِذْ مَنْ خَذَلَ  
المُسْلِمِينَ. وَأَعْلِ كَلِمَتِكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ أَلْفَ بَيْنَ  
قُلُوبِ الْمُؤْمِنِينَ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ. اللَّهُمَّ أَدْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ  
وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْبَغْيَ وَالشَّدَائِدَ  
وَالسُّيُوفَ الْمُخْتَلِفَةَ وَالْمِحْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ مِنْ  
بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَمِنْ سَائِرِ بِلَادِ المُسْلِمِينَ عَامَّةً إِنَّكَ  
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ وَلَا  
تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رءُوفٌ رَحِيمٌ.  
رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا  
عَذَابَ النَّارِ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي  
الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ  
تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ  
يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ  
وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.